

Kes buli: Sekolah diminta lebih bertanggungjawab

H.M MS 4 6/02/07

KUALA LUMPUR: Pihak sekolah digesa tidak cuba menyembunyikan kejadian pelajar dibuli demi menjaga imej sekolah, sebaliknya lebih bertanggungjawab sekiranya kes terbabit dilaporkan berlaku.

Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kebangsaan, Prof Madya Dr Mohamad Ali Hassan, berkata tindakan berkenaan

boleh membantutkan usaha Kementerian Pelajaran dalam menangani kes buli di kalangan pelajar.

"Perkara ini tidak sepatutnya diselindung dan pihak sekolah perlu bekerjasama bagi mengekang kes ini daripada terus berlaku.

"Sebagai contoh, beberapa hari lalu dua kes buli dilaporkan berlaku dan ia turut membabitkan pelajar pe-

rempuan. Lebih kesal, apabila pihak sekolah cuba menyembunyikan kejadian berkenaan," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam mengenai kejadian pelajar tingkatan satu sebuah sekolah di Kajang, yang diserang dan dibuli sekumpulan pelajar perempuan tingkatan dua, ba-

ru-baru ini.

Akibat tertekan, mangsa yang dikenali Szerina, enggan ke sekolah kerana bimbang keselamatanannya.

Berikutan kejadian itu, mangsa kini trauma sehingga terpaksa membuat dua laporan di Balai Polis Kajang.

Namun, selepas membuat aduan kepada guru penyelia, Szerina kecewa apabila kejadian terbabit dianggap

remeh oleh pihak sekolah.

Ibu mangsa, Rohani Ahmad, 44, kecewa dengan tindakan pentadbiran sekolah berkenaan yang tidak mahu mengambil tindakan terhadap pelajarnya yang tidak berdisiplin.

Akibat kluatir kejadian sama berulang, beliau kini menguruskan perpindahan anaknya ke sekolah lain tetapi diarahkan pihak pengurusan

sekolah berkenaan supaya tidak menulis alasan berpindah kerana dibuli sebaliknya masalah pengangkutan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Rosli Mohd Nizam, mengesahkan pihaknya menerima kedua-dua laporan daripada pelajar berkenaan selain memberitahu kes terbabit masih dalam siasatan polis.